

TR 1:9:73

UCAPAN PERDANA MENTERI DI MAJLIS
JAMUAN NEGERI PERAYAAN ULANGTAHUN
KESEPULUH KEMERDEKAAN SABAH MENE-
RUSI MALAYSIA, KOTA KINABALU, PADA 23HB
SEPTEMBER, 1973

T.Y.T. Yang Dipertua Negara Sabah¹ dan Puan Sri Rahimah:
Y.A.B. Tun Data Haji Mustapha² dan Toh Puan Hajjah Rahmah,
Y.B. Menteri-menteri, Dif-dif yang terhormat, Tuan-tuan dan Puan-
puan sekalian,

Terlebih dahulu sukalah saya mengambil kesempatan ini menyatakan perasaan ikhlas dan sukacita serta mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada T.Y.T. Tan Sri Fuad Stephens atas perlantikan beliau sebagai Yang Dipertua Negara yang baru bagi Negeri Sabah ini. Sesungguhnya perlantikan beliau itu amatlah kena pada tempatnya sebagai tanda penghargaan atas jasa-jasa beliau yang tidak ternilai kepada Negeri Sabah ini khasnya dan kepada Malaysia amnya.

Seterusnya saya juga ingin mengucapkan berbanyak terima kasih kepada saudara saya Y.A.B. Tun Datu Mustapha bagi pihak isteri saya dan saya sendiri kerana sudi menjemput kami berdua menghadiri Majlis makan malam yang permai dalam bidang Perayaan Ulang Tahun Kesepuluh Kemerdekaan Sabah menerusi Malaysia, Pada hemat saya, perayaan ini mempunyai erti yang besar kepada kita sekalian, khasnya kepada rakyat Negeri Sabah oleh kerana dengan keikhlasan dan ketabahan hati mereka menyokong pembentukan Malaysia dan mempertahankan negara yang muda itu, maka hari ini mereka dapat, ibarat kata pepatah "berdiri sama tinggi, duduk sama rendah" sebagai rakyat yang merdeka dan berdaulat setanding dengan rakyat negara-negara lain yang sudah maju.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahuwataala yang telah memberikan taufik hidayah serta perlindunganNya agar kita dapat

1 Y.M. Tan Sri (Datuk) Haji Mohd. Fuad Stephens.

2 Y.B. Ketua Menteri Sabah.

merayakan hari yang berbahagia ini dalam suasana aman damai dan makmur bahagia. Meskipun dalam tempoh sepuluh tahun ini kita telah menempuh berbagai-bagai pengalaman suka dan duka, pada amnya kita telah mencapai kejayaan meliputi semua bidang kehidupan baik ekonomi, sosial dan juga politik. Tidak syak lagi, kejayaan-kejayaan itu adalah hasil dari usaha dan penat lelah kita sekalian serta berkat keazaman rakyat yang berdiri teguh menyokong Kerajaan dan berkerjasama mengisi kemerdekaan. Sesungguhnya kemerdekaan bukanlah bererti akhirnya perjuangan kita bahkan adalah permulaan satu babak yang penting dalam sejarah negara untuk memberi makna kepada kemerdekaan itu.

Saya merasa bertuah kerana dengan izin Allah saya dapat bersama-sama dengan rakyat Malaysia di Sabah pada perayaan yang amat meriah dan penuh dengan suasana riang gembira. Bagaimanapun, semasa kita bersama-sama merayakan hari ini sambil menikmati suasana yang meriah patutlah juga kita menoleh ke belakang dan memerhatikan di mana terdapat kelemahan atau kekurangan supaya segera dibaiki untuk mencapai matlamat pembangunan negara sebagaimana yang dicita-citakan.

Lebih kurang tiga minggu dahulu saya telah menyertai rakyat di Sarawak merayakan peristiwa yang bersejarah di samping memberikan sokongan moral kepada pimpinan Kerajaan Negeri dalam usaha mereka menjalankan usaha pembangunan serta menentang anasir-anasir jahat dan anti-nasional bagi memulihkan keamanan dalam tempoh yang sesingkat-singkatnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Sejarah sesuatu bangsa mencatatkan banyak peristiwa yang bakal menjadi sumber inspirasi kepada jenerasi masa depan. Seperti kita sedia maklum, kelahiran Malaysia sepuluh tahun yang lalu menempuh suasana genting dan cemas oleh kerana adanya tentangan dari rejim Sukarno dan Filipina. Kepada kita peristiwa ini merupakan ujian yang paling berat akan tetapi berkat keazaman rakyat dan dengan perlindungan Allah kita telah berjaya menentang segala ancaman dan cabaran dari mereka yang tidak ingin melihat rakyat Sabah bergerak maju sebagai rakyat yang merdeka. Pada hari yang berbahagia ini, sukalah saya mengulangi lagi tahniah dan pujian kepada rakyat Sabah yang telah menunjukkan semangat kepahlawanan serta patriotism yang tinggi dalam mempertahankan kehormatan negeri ini serta menegakkan kedaulatan Malaysia.

Peristiwa Kalabakangan akan kekal tercatat dengan tinta emas dalam sejarah negara yang mana akan jadi contoh tauladan kepada jenerasi muda sekarang dan yang akan datang.

Pada kesempatan yang baik ini saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada saudara saya, Tun Datu Haji Mustapha, dan juga kepada pimpinan sebelumnya, atas kerjasama yang erat serta saling mengerti antara Kerajaan Negeri ini dan Kerajaan Persekutuan. Berkat kerjasama yang erat ini serta juga tali persaudaraan yang kukuh antara kedua pihak, segala langkah dan usaha pembangunan telah berjalan dengan lancar demi kepentingan Kerajaan dan rakyat bersama. Sepertimana yang dikatakan oleh Tun Mustapha sebentar tadi, saya juga berharap perhubungan yang rapat dan mesra ini akan terus dikekalkan oleh pemimpin akan datang agar hasrat dan cita-cita kita akan tercapai sepenuhnya.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Salah satu daripada perkara yang penting dalam laporan IGC dahulu ialah pengkajian semula peruntukan-peruntukan yang menyentuh kuasa-kuasa Kerajaan Negeri. Proses ulangkaji ini sedang berjalan dengan lancar dan sukalah saya memberi pengakuan di sini iaitu apa juga perkara yang menyentuh kepentingan negeri dan rakyat di Sabah ini akan diberi pertimbangan yang adil dan saksama.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Masa depan bagi negeri Sabah ini khasnya dan bagi Malaysia amnya amatlah cerah dan penuh dengan harapan. Bagaimanapun, amatlah penting bagi rakyat sekalian menumpukan sepenuh tenaga kepada usaha-usaha pembangunan serta memberikan kerjasama penuh kepada Kerajaan bagi mengekalkan ketenteraman dalam negeri. Kita bersyukur iaitu kesan-kesan dari peristiwa kemarau yang menimpa Sabah tidak berapa lama dahulu telah beransur hilang dan kehidupan rakyat terutama mereka yang tinggal di kawasan pendalaman telah pulih semula. Begitu juga projek-projek penting di Negeri ini seperti Lebuhraya ke Sandakan dan juga pelabuhan di samping lombong tembaga dan minyak di dasar laut semuanya adalah jaminan untuk hari depan yang lebih cemerlang, makmur dan bahagia kepada rakyat Negeri Sabah ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Akhir kata, saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tun Datu Mustapha dan Kerajaan Negeri Sabah kerana memberikan saya penghormatan pada majlis yang permai dan gemilang ini. Kerajaan Persekutuan akan sentiasa mengikuti perkembangan dan kemajuan pembangunan di Sabah dan akan bersedia mempertimbangkan kehendak-kehendak Kerajaan Negeri untuk memberi penghidupan yang lebih baik dan sempurna kepada rakyat di Sabah ini.

Marilah kita sama-sama mengangkat tangan berdoa ke hadrat Allah agar negara kita kekal aman damai di bawah perlindungannya serta diberikan kita taufik dan hidayah menuju hari depan yang gilang gemilang, makmur dan bahagia.